

**Umno tak pernah sekat suara ahli, kata Muhyiddin**  
**The Malaysian Insider**  
**08 November , 2011**

KUALA LUMPUR, 8 Nov — Umno tidak pernah menyekat mana-mana pemimpinnya di semua peringkat daripada menyuarakan pendapat tentang isu melibatkan parti kerana Umno mengamalkan prinsip demokrasi, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Muhyiddin, yang juga Timbalan Presiden Umno, berkata setiap hari beliau membaca dalam akhbar banyak pendapat daripada pemimpin-pemimpin Umno yang mengulas mengenai pelbagai isu yang membuktikan tiada sekatan daripada parti.

“Tiada satu pun pekeliling yang dikeluarkan kepada mana-mana pemimpin Umno baik di peringkat negeri, bahagian atau individu mengatakan mulut mereka terkunci dan tertutup sepanjang masa. Kadang-kadang mereka bercakap lebih daripada yang sepatutnya pun,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan dialog terbuka dengan 50 graduan yang terpilih untuk menyertai program “Teach For Malaysia” di sini hari ini.

Muhyiddin (gambar) mengulas kenyataan Ketua Umno Bahagian Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah hari ini yang mendakwa kononnya dalam Umno sudah tiada peluang untuk bersuara, dan jika mahu bercakap pada perhimpunan agung pun, individu itu perlu mendapatkan kelulusan pihak atasan.

Pada 22 Julai lepas, Tengku Razaleigh melancarkan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dikenali sebagai Angkatan Amanah Merdeka (Amanah) dengan beliau sebagai presidennya, sebagai “platform untuk menyuarakan pendapat secara lebih meluas”.

Muhyiddin berkata Umno juga tidak menyekat mana-mana anggotanya untuk menyertai NGO kerana itu adalah hak masing-masing.

“Kita tidak sekat kalau mereka hendak menyertai mana-mana NGO, begitu juga dengan individu di parti lain yang ada juga menyertai badan dan persatuan, kerana itu minat mereka untuk memberi tumpuan kepada sesuatu perkara yang mereka ingin fokuskan,” katanya dipetik Bernama Online.

Menurut Muhyiddin, di dalam Umno ada sistem di peringkat bahagian dan negeri sebagai satu forum untuk ahli dan pemimpin menyampaikan apa sahaja yang berkaitan dengan parti.

“Saya tidak tahu apa yang Tengku Razaleigh hendak cakap yang kita tak bagi cakap. Apabila beliau buat majlis bertemu dengan media, dia bercakap juga. Mungkin kalau beliau ada sesuatu yang berbeza sikit dari parti, bolehlah beliau kemukakan.

“Jika beliau ada cadangan tertentu hendak disampaikan, rasanya tidak perlu tunggu sehingga Perhimpunan Agung Umno kerana mereka boleh sampaikan pendapat pada bila-bila masa sahaja,” kata Muhyiddin.

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/umno-tak-pernah-sekat-suara-ahli-kata-muhyiddin/>